

Gerakan sokong pelaksanaan meritokrasi

UM 2 1 MAY 2002

IPOH 20 Mei — Parti Gerakan menyokong pelaksanaan sistem meritokrasi dalam pengambilan pelajar pelbagai kaum ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kerana yakin ia akan menjadi pendorong kepada para pelajar untuk belajar dengan lebih gigih.

Timbalan Setiausaha Agungnya, Datuk Chang Ko Youn berkata, tanpa meritokrasi, para pelajar tidak akan mempunyai cukup inisiatif untuk belajar dengan tekun bagi memasuki universiti dan negara tidak akan dapat mengeluarkan pelajar kelulusan IPTA yang cemerlang.

Katanya, pelaksanaan meritokrasi juga akan dapat mengelakkan berlakunya kehilangan tenaga pintar di negara ini ke negara lain seperti Singapura apabila negara berkenaan menawarkan biasiswa dan tempat di institusi pengajian mereka.

“Negara ini kehilangan banyak tenaga pintar 10 tahun lalu apabila Singapura menawarkan kepada pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang cemerlang di negara ini untuk belajar di IPTA republik itu dan terus bekerja di negara berkenaan,” ujar beliau di pejabatnya di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini hari ini.

Mengulas

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa kerajaan tidak akan mengubah sistem meritokrasi hanya disebabkan peningkatan mendadak kemasukan pelajar bumiputera ke IPTA.

Sebaliknya, Dr. Mahathir mahu mereka yang mempertikaikan kewajaran pelaksanaannya supaya memeriksa balik punca kemerosotan pelajar bukan bumiputera memasuki IPTA tahun ini.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu semasa berucap merasmikan Perhimpunan Agung MIC semalam, menyatakan kebimbangannya mengenai sistem meritokrasi yang didakwa meminggirkan pelajar berketurunan India.

Ko Youn berkata, Parti Gerakan menyedari terdapat kes-kes tertentu seperti kemiskinan menyebabkan seseorang pelajar tidak dapat bersaing secara sama rata dengan pelajar lain dalam sistem meritokrasi.

Menurutnya, selain itu, kerajaan perlu menggunakan satu sistem kelayakan yang sama bagi semua pelajar ke IPTA dan bukan menggunakan dua sistem berasingan seperti yang diamalkan sekarang iaitu matrikulasi dan STPM.

Beliau bagaimanapun berpendapat, semua masalah itu boleh diatasi dan parti tersebut mengalu-alukan pelaksanaan sistem meritokrasi kerana percaya ia juga adalah baik untuk pelajar bumiputera.